

07/09/2002

DHL unjur pertumbuhan dua kali ganda

Badrila Jamlus

DHL Worldwide Express (DHL), perintis industri penghantaran ekspres udara antarabangsa, mengunjurkan pertumbuhan jualan dua kali ganda di Asia Pasifik tahun ini berikutan kewujudan beberapa pasaran baru.

Syarikat penghantaran terkemuka itu mencatatkan jualan lebih RM3.7 bilion di rantau ini tahun lalu dan lebih RM22.9 bilion di peringkat global.

Pengarah DHL Asia Tenggara, Bryan Jamison, berkata unjuran jualan itu disandarkan kepada pertumbuhan pasaran baru yang berkembang pesat khususnya China, Jepun, India dan Vietnam.

Beliau berkata, China misalnya, menjadi tumpuan beberapa syarikat terkemuka dunia dari segi pelaburan dan perdagangan manakala Vietnam menyaksikan penghijrahan beberapa syarikat asing kerana kos buruh yang rendah.

"DHL sudah berkembang daripada membekalkan khidmat penghantaran dokumen, pakej dan kotak kepada menyediakan penyelesaian perniagaan kepada pelanggan.

"Ketika ini, syarikat itu menguasai 38 peratus pasaran industri penghantara ekspres manakala di Malaysia, ia menguasai di antara 38 hingga 40 peratus pasaran," katanya selepas perasmian Pusat Maklumat Asia Pasifik DHL (DHL Apis) di Cyberjaya, Selangor, semalam.

Perasmian kompleks yang menempatkan Pusat Operasi dan Rangkaian Data DHL bernilai RM200 juta itu disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

DHL Apis diuruskan DHL Asia-Pacific Information Services Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh DHL Worldwide Express BV.

Jamison berkata, DHL sudah melabur lebih RM1.14 bilion (AS\$300 juta) sejak dua tahun lalu di rantau ini bagi meningkatkan kemudahannya meliputi pembelian kenderaan baru, teknologi dan pengimbas generasi terbaru serta pertukaran data elektronik.

Beliau berkata, DHL kini menawarkan pilihan luas dalam penyelesaian teknologi maklumat (IT) dalam industri ekspres udara, pengurusan rantaian bekalan dan industri logistik.

Ketua Pegawai Maklumat DHL, Stephen McGuckin, dalam ucapannya berkata pemindahan DHL Apis dari IOI Mall di Puchong ke Cyberjaya itu disebabkan insentif khas yang diberikan di Koridor Raya Multimedia (MSC).

Beliau berkata, kompleks setinggi empat tingkat seluas 100,000 kaki persegi itu adalah pusat DHL Apis yang ketiga di dunia selepas London dan Phoenix, Amerika Syarikat.

Katanya, ketika ini DHL Apis memiliki kira-kira 370 kakitangan dengan dengan 86 peratus adalah pekerja tempatan dan jumlah itu akan meningkat kepada 450 menjelang akhir tahun "Sebelum ini, ketika kami memilih tempat untuk menempatkan pusat IT bagi Asia Pasifik, kami meninjau beberapa negara seperti Singapura, Filipina, Hong Kong dan India tetapi memilih Malaysia," katanya.

McGuckin berkata, pusat operasi itu menyediakan pemantauan 24 jam untuk keseluruhan rangkaianannya bagi memastikan perhubungan perkhidmatan telekomunikasi di lebih 220 negara dan kawasan seluruh rangkaian sedunia DHL.